

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 1.12.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai bilangan IPTS di Sabah berbanding negeri-negeri lain dan berapa kursus dibuka di semua IPTS itu dan berapa pengambilan pelajar IPTS dan IPTA setiap tahun berbanding keperluan keseluruhan daripada graduan dari sekolah menengah di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi prihatin dan komited untuk memberikan peluang pendidikan tinggi kepada semua rakyat termasuk bagi rakyat di negeri Sabah. Transformasi sistem pendidikan tinggi akan memberi manfaat dan hak secara kolektif, serta memberi peranan yang bersesuaian kepada setiap pihak berkepentingan. Sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dan telah berkembang dengan pesatnya dengan kewujudan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dan menyediakan pelbagai laluan kepada pendidikan. Dengan ini lebih banyak rakyat Malaysia berpeluang mengikuti pengajian pada peringkat pendidikan tinggi.

Jumlah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) di Sabah adalah sebanyak 27 buah yang terdiri daripada 2 buah IPTS bertaraf kolej universiti dan 25 buah IPTS bertaraf kolej termasuk 3 buah pusat

pembelajaran. Berdasarkan data sehingga 30 Oktober 2015, sebanyak 308 kursus pengajian yang ditawarkan di IPTS Sabah yang terdiri daripada pelbagai peringkat dari sijil sehingga PhD. Sehingga Disember 2014, jumlah kemasukan pelajar ke IPTS dan pusat pembelajaran di Sabah bagi tahun 2014 adalah seramai 6017 orang.

Jumlah keseluruhan calon dari Sabah yang mendapat tawaran kemasukan ke Universiti Awam pada sesi 2015/2016 adalah seramai 3,428 orang (8%).

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[HULU RAJANG]**

**TARIKH : 01.12.2015 (SELASA)**

**SOALAN : 23**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan status status jalan Nanga Mujong ke Nanga Gaat dari Rumah Juntan ke Rumah Bengau, Sg. Sut**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak, projek pembinaan jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat merupakan sebahagian daripada jajaran jalan akses ke Empangan Baleh, Kapit di bawah program *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* yang dilaksanakan oleh pihak *Regional Corridor Authority (RECODA)*, Sarawak bersama - sama JKR Sarawak dan bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian ini. JKR Sarawak turut memaklumkan bahawa pelaksanaan projek ini akan dibentangkan di dalam Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management Lab*) sebelum hujung tahun ini.

Manakala bagi cadangan pelaksanaan projek jalan dari Rumah Juntan ke Rumah Bengau, Sg. Sut, pihak Kementerian tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan 1*, bagi tahun pelaksanaan 2016.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian akan berhubung dengan pihak JKR Sarawak untuk menjalankan siasatan tapak bagi tujuan permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk pelaksanaan pada RMKe-11, bagi tahun pelaksanaan yang akan datang. Namun begitu, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.